

15/07/1998

Sokongan rakyat atasi kegawatan (HL)

Faizal Fadzil

KUALA LUMPUR, Selasa - Kerajaan berani mengambil pelbagai tindakan untuk memulihkan ekonomi negara kerana yakin semua pihak menyokong keputusan itu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, berikutan perpaduan serta sokongan rakyat itu, kerajaan yakin segala keputusan dan tindakan untuk memulihkan ekonomi, akan lebih berkesan.

Sehubungan itu, beliau berharap rakyat akan terus menyokong kerajaan serta tidak mencetuskan huru-hara, rusuhan dan mogok bagi membolehkan masalah yang dihadapi diatasi bersama.

"Saya percaya kalau dengan sokongan ini, apabila kerajaan membuat satu-satu keputusan, akan ada kritik, tetapi majoriti akan menyokong kerajaan dan dengan itu tindakan kerajaan akan lebih berkesan.

"Kerajaan yang tidak yakin di belakangnya terdapat majoriti rakyat, tidak boleh bertindak. Dan kita lihat di mana-mana saja yang mana kerajaannya lemah, menghadapi masalah. Kalau buat sesuatu, ada saja pihak yang menyerang mereka. Jadi, dengan itu mereka takut untuk mengambil tindakan.

"Alhamdulillah, di Malaysia rakyat Cina, Melayu, India, Kadazan, Murut, Bajau, semua menyokong kerajaan. Dengan itu kita berani, umpamanya, kita berani menolak cadangan supaya menerima bantuan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF)," katanya dalam wawancara khas RTM, yang disiarkan malam ini.

Wawancara itu dipengerusikan Yang Dipertua Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) Kuala Lumpur, Syed Amin Al-Jefri, manakala ahli panelnya ialah Presiden Fomca, Prof Hamdan Adnan dan Ketua Pengarang Berita The Star, Chua Yew Kay.

Dalam wawancara hampir sejam itu itu, Dr Mahathir turut menjelaskan beberapa langkah kerajaan dalam menangani kegawatan, fungsi rakyat selaku pengguna dan faktor kegawatan.

Dr Mahathir berkata, beliau tidak faham kenapa media Barat menyalahkan kerajaan dan Perdana Menteri atas kejatuhan nilai ringgit dan harga saham sehingga ada rakyat mempercayai dakwaan itu.

Beliau menegaskan, bukan saja kerajaan di negara ini tidak berubah, malah dasar dan cara pentadbirannya sejak dulu masih kekal tanpa sebarang perubahan luar biasa.

"Kalau pada bulan Jun kita membuat sesuatu yang luar biasa, maka pada bulan Julai jatuh nilai ringgit, kita boleh salahkan perbuatan itu tetapi kita tidak buat apa-apa yang luar biasa. Oleh itu kenapakah jatuh?

"Bagi kerajaan, untuk menjatuhkan nilai mata wang, kita biasanya mengisytiharkan, mengadakan gazet ataupun perisytiharan bahawa sekarang ini nilai mata wang kita dikurangkan.

"Tetapi, kita tidak buat demikian. Jadi kalau kita tidak buat, siapa yang buat?," katanya sambil menambah, peniaga mata wang yang berkuasa menjatuhkan nilai mata wang dengan aktiviti jual beli mereka.

Mengenai masalah dana yang tidak sampai kepada pengusaha tempatan, Perdana Menteri menjelaskan, peniaga enggan meminjam kerana kadar faedah hutang masih tinggi walaupun kadar asas pinjaman hanya 11 peratus.

"Tetapi bank menambah keuntungan mereka sehingga empat peratus menjadikannya 15 peratus ... kadang-kadang sampai 16 peratus," katanya.

Selain itu, kata Dr Mahathir, tiada kerjasama daripada bank kerana institusi itu tidak berminat memberi hutang.

"Kadang-kadang, permintaan untuk hutang itu ditolak begitu saja ataupun diberi alasan itu dan ini ... kita tahu bank mencari jalan mudah untuk mereka dapat untung," katanya.

Beliau memberikan contoh peruntukan RM1.5 bilion untuk dana Industri Kecil dan Sederhana (IKS), tetapi dalam tempoh tiga atau empat bulan, bank hanya mengeluarkan RM40 juta daripada jumlah itu.

"Jadi walaupun kerajaan cuba mengadakan dana yang mencukupi, tidak ada kerjasama bank ataupun faedah yang terlalu tinggi menyebabkan dana tidak diguna sepenuhnya," katanya.

(END)